

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	05 APRIL 2017

Pastikan MoU dimeterai jadi kenyataan: PM

BH-5/4/2017



M Thillinadan

thilli@bh.com.my

Chennai, India ▶

Datuk Seri Najib Razak memberi peringatan kepada semua syarikat swasta dan usahawan Malaysia yang menandatangani memorandum persefahaman (MoU) supaya memastikan projek ditandatangani menjadi kenyataan.

Perdana Menteri mengingatkan ahli perniagaan imej Malaysia akan tercemar jika MoU itu tidak dilaksanakan seperti dijanjikan.

“Saya mahu MoU ditandatangani menjadi memorandum perjanjian (MoA) dan berakhir dengan pelaksanaan sehingga menjadi realiti.

“Tidak guna setakat tandatangan MoU tanpa melaksanakannya. Itu akan menjejaskan nama baik Malaysia sebagai negara perdagangan,” katanya pada majlis

koktel Forum Perniagaan Malaysia-India di sini, malam kelmarin.

Majlis itu dihadiri lebih 200 usahawan Malaysia yang kebanyakannya terbabit dalam projek atau memeterai MoU dengan syarikat negara itu.

Buktikan kepada dunia

Najib berkata demikian mengulas kejayaan Malaysia-India memeterai 31 MoU bernilai RM158.4 bilion yang disifatkannya yang terbesar dengan India.

“Kita kena tunjuk kepada India dan dunia; kita boleh lakukan yang terbaik dalam apa juga projek ditawarkan kepada kita.

“Selain 31 MoU itu, kita hampir pasti memperoleh dua projek infrastruktur yang besar di negeri Rajasthan,” katanya.

Hubungan tahap tertinggi

Najib juga menyifatkan lawatannya ke India kali ini amat berjaya dan hubungan kedua-dua negara kini sudah mencapai tahap tertinggi.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Narendra Modi memberi pengik-

tirafan tertinggi kepada kepada Malaysia dengan menerima beliau pada petang Sabtu dan ketika Modi sedang berpuasa sembilan hari sempena sambutan Navarathri.

“Perdana Menteri Modi mengangap kita sebagai kawan dan memberi jaminan sedia bersama kita dalam meningkatkan hubungan ke tahap lebih tinggi,” katanya.

Di **New Delhi**, Najib merasmikan kompleks baharu Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia di India, di sini, semalam.

Perdana Menteri yang diiringi Datin Seri Rosmah Mansor memotong riben dan menandatangani plak sebagai simbolik perasmian.

Yang turut hadir, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof; Timbalan Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India, Datuk Hidayah Abdul Hamid.

→ CIDBH menerai 6 MoU di India Ms.B4

→ Gagal laksana projek hanya jejas nama baik Malaysia di mata dunia